



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 03 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|--|---|----------|
| 1. | Govt's Move To Amend Sexual Harassment Laws, A Step In The Right Direction: NUBE https://thesun.my/local-news/govt-s-move-to-amend-sexual-harassment-laws-a-step-in-the-right-direction-nube-IP12950769 https://focusmalaysia.my/nube-applauds-ministers-initiative-to-strengthen-anti-sexual-harassment-laws/ https://www.theborneopost.com/2024/09/03/union-backs-call-for-anti-sexual-harassment-act-amendments/ https://www.themalaysianinsight.com/s/487262 https://www.newsarawaktribune.com.my/nube-backs-stricter-revisions-to-anti-sexual-harassment-act-2022/ | The Sun Focus Malaysia The Borneo Post The Malaysia Insight New Sarawak Tribune | Neutral |
| 2. | KPWKM Siasat Dakwaan Eksploitasi Kanak-Kanak https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1293105/kpwkm-siasat-dakwa-an-eksploitasi-kanak-kanak | Berita Harian | Neutral |

| | | | |
|----|---|--|---------|
| | <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/02/cyberbullying-cases-involving-youth-see-significant-increase-says-noraini-ahmad</p> <p>https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2335981</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-akan-siasat-aduan-pihak-ambil-kesempatan-terhadap-kanakkanak-noraini-486135</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/02/kpwkm-akan-siasat-aduan-pihak-ambil-kesempatan-terhadap-kanakkanak-noraini</p> <p>https://thesun.my/local-news/kpwkm-to-investigate-any-complaints-of-child-exploitation-noraini-MP12950693</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/03/rise-in-youth-cyberbullying</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2335993</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1129701/tindakan-sewajarnya-jika-berlaku-eksploitasi-kanakkanak#google_vignette</p> | <p>The Star</p> <p>Bernama</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>The Sun</p> <p>The Star</p> <p>Bernama</p> <p>Harian Metro</p> | |
| 3. | <p>KPWKM, KKDW Peringkat Akhir Lantik Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/09/02/kpwkm-kkdw-peringkat-akhir-lantik-pasukan-perlindungan-kanak-kanak/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1100178/ministry-takes-fight-against-child-abuse-villages</p> <p>https://www.facebook.com/watch/?v=432164502583438</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=W3Zim9oaJiY</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/683478/berita/nasional/jpkk-jpkkp-jadi-ahli-pasukan-perlindungan-kanak-kanak</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jpkk-dan-jpkkp-anggotai-pasukan-perlindungan-kanak-kanak</p> | <p>Malaysia Gazette</p> <p>NST</p> <p>Malaysia Gazette Berita RTM</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita RTM</p> | Neutral |

| | | | |
|----|---|-----------------------------------|---------|
| | <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/02/ketua-kampung-jadi-ahli-pasukan-perlindungan-kanak-kanak/</p> <p>https://www.nabalunews.com/post/jpkk-dan-jpkkp-bakal-sertai-pasukan-perlindungan-kanak-kanak-bawah-kpwkm</p> | FMT | |
| 4. | <p>Perlu Ada Peruntukan Halang Tindakan Balas Oleh Organisasi Terhadap Pengadu Gangguan Seksual</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perlu-ada-peruntukan-halang-tindakan-balas-oleh-organisasi-terhadap-pengadu-gangguan-seksual-486164</p> | Astro Awani | Neutral |
| 5. | <p>AKE-Uitm Jalin Kerjasama Transformasi Pendidikan Awal Kanak-Kanak</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/683536/berita/nasional/ake-uitm-jalin-kerjasama-transformasi-pendidikan-awal-kanak-kanak</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/uitm-komited-transformasi-pendidikan-awal-kanakkanak-486191</p> | Sinar Harian Astro Awani | Neutral |
| 6. | <p>Hati-Hati Lapor Kes Jenayah Libatkan Kanak-Kanak – Suhakam</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/717804</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/09/02/keselamatan-kanak-kanak-dalam-pelaporan-dan-penyiaran-media-perlu-dititikberatkan-suhakam/</p> | Malaysia Kini Malaysia Gazette | Neutral |
| 7 | <p>Doa Untuk Ayyash, Bayi Tujuh Bulan Derita 6 Penyakit Kronik</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1293061/doa-untuk-ayyash-bayi-tujuh-bulan-derita-6-penyakit-kronik</p> | Berita Harian | Neutral |

| | | | |
|---|---|--|---------|
| 8 | <p>Wanita Dihempap Kayu Balak Semakin Pulih, Jalani Hidup Seperti Biasa</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/wanita-dihempap-kayu-balak-semakin-pulih-jalani-hidup-seperti-biasa/#google_vignette</p> | Utusan | Neutral |
| 9 | <p>Lelaki Warga Emas Hilang Jatuh Sungai, Perahu Berlanggar Bot Laju</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/02/lelaki-warga-emas-hilang-jatuh-sungai-perahu-berlanggar-bot-laju/#google_vignette</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1129699/warga-emas-hilang-selepas-perahu-dilanggar-bot-laju</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-hilang-selepas-perahu-dilanggar-bot-laju-486124</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php/news.php?id=2335967</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/02/lelaki-warga-emas-dilapor-hilang-selepas-insiden-perlanggaran-bot-laju-dan-perahu</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/02/operasi-mencari-warga-emas-hilang-di-batang-oya-disambung-esok</p> <p>https://utusansarawak.com.my/warga-emas-dikhuatiri-lemas-terjatuh-selepas-berlaku-pelanggaran-bot/</p> <p>https://suarasarawak.my/warga-emas-hilang-dalam-perlanggaran-bot-dengan-perahu-di-batang-oya/</p> | <p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Utusan Sarawak</p> <p>Suara Sarawak</p> | Neutral |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

GOV'T'S MOVE TO AMEND SEXUAL HARASSMENT LAWS, A STEP IN THE RIGHT DIRECTION: NUBE

PETALING JAYA: The National Union of Bank Employees (NUBE) has welcomed the recent announcement by the Women, Family, and Community Development Minister to amend the Anti-Sexual Harassment Act 2022 (Act 840) to enhance its effectiveness in combating workplace sexual harassment.

In a statement, today, the union stated that it has been pursuing fair and equal treatment for all bank employees, regardless of age, sex, or race, and this move is certainly a step in the right direction.

“NUBE applauds the efforts by Datuk Seri Nancy Shukri to address existing weaknesses in the Anti-Sexual Harassment Act 2022 (Act 840) and, if necessary, to introduce stricter laws.

“It is indeed timely that organisations are held accountable for acts of sexual harassment occurring within the workplace, not just the individuals responsible. This would undoubtedly lead to greater accountability and a much safer and healthier work environment for all,” said its general secretary J. Solomon.

Yesterday, Nancy proposed that the Anti-Sexual Harassment Act 2022 be amended.

In highlighting the need for the laws on sexual harassment to be extended to include organisational responsibility, Nancy said current laws are primarily focused on individuals, whereas there are gaps when it comes to holding organisations accountable for the misconduct.

“We need to amend the existing legislation to ensure organisations can be held liable if they fail to address the sexual harassment cases,” she was reported as saying.

Nancy who is also Santubong MP shared this concern following a recent investigation into a senior bank officer in Perak who was accused of sexually harassing a female colleague in 2021, with the bank denying the allegations.

Solomon said the union also supports her call for victims of sexual harassment to report their cases to ensure prompt action and not to suffer in silence.

“We urge all our members to take this matter seriously. Do not remain silent or suffer alone.

“Report any such incidents, and NUBE will stand with you to bring them to the authorities to ensure justice prevails,” he added.

Additionally, NUBE also commended the police for their swift action in completing investigations on the bank operations officer in Bercham, Ipoh, who is accused of sexually harassing a female colleague.

“We thank Perak police chief Datuk Azizi Mat Aris for acting so promptly on the report by our union member, and we are confident that justice will prevail,” he said.

He added that NUBE remains committed to ensuring justice and promoting a safe, respectful workplace for all employees and is willing to work with the ministry to achieve their objectives.

KPWKM SIASAT DAKWAAN EKSPLOITASI KANAK-KANAK



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad, beramah mesra bersama murid selepas merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak: Kasih Kanak-kanak 2024 peringkat negeri, hari ini. - NSTP/L MANIMARAN

IPOH: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan menyiasat aduan berhubung tindakan pihak yang didakwa mengambil kesempatan terhadap kanak-kanak.

Ia susulan dakwaan ada kanak-kanak dikatakan ditempatkan di rumah amal atau rumah anak yatim untuk bekerja di bawah syarikat tertentu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata tindakan undang-undang sewajarnya akan diambil jika pihak terbabit didapati bersalah.

"Kita belum menerima apa-apa aduan tetapi kalau ada yang mengadu, kita akan ambil tindakan sewajarnya mengikut undang-undang bersesuaian di bawah kementerian.

"Kita akan melihat satu kes ke satu kes, tidak kira kes berkaitan apa pun," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak 2024 peringkat Perak di sini, hari ini.

Noraini diminta mengulas kes tular di media sosial baru-baru ini berkenaan gerakan sebuah syarikat dalam negara yang didakwa menggunakan rumah kebajikan anak yatim untuk menempatkan anak ahli mereka.

KPWKM, KKDW PERINGKAT AKHIR LANTIK PASUKAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

IPOH – Perbincangan berhubung perlantikan pemimpin setempat sebagai ahli Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak berada di peringkat akhir antara dua kementerian.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Noraini Ahmad berkata, perlantikan tersebut melibatkan kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Menurutnya, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) akan dilantik sebagai ahli pasukan berkenaan.

“Kita memang ada satu program iaitu CBO (Organisasi Berasaskan Komuniti) yang memang secara langsung terlibat dan bekerjasama bersama semua ketua kampung dan penghulu.

“Tapi bagi program yang terus berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak ini, ia dalam peringkat perbincangan terakhir untuk kita (KPWKM) melibatkan mereka bersama,” katanya.

KPWKM, KKDW di peringkat akhir lantik ahli Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Peringkat Negeri Perak 2024 di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Kelebang, Chemor, di sini pada Isnin.

Terdahulu, Noraini berkata, JPKK atau JPKKP adalah organisasi kepimpinan di setiap kampung membolehkan mereka memainkan peranan yang meluas yang menjadi agen penggerak kepada penyatuan dan perpaduan masyarakat kampung.

Tambahnya, pemimpin setempat ini juga akan mengadakan program pembangunan dan juga hal-hal yang berkaitan kehidupan setempat dalam menyalurkan maklumat kepada KPWKM berkaitan kes-kes penderaan dan pengabaian yang berlaku dalam kawasan kampung.

“JPKK atau JPKKP juga boleh menjadi penghubung kepada KPWKM dan komuniti setempat dalam menyalurkan maklumat berkaitan kempen mahupun program-program advokasi daripada KPWKM kepada masyarakat setempat,” ujarnya. – MalaysiaGazette

PERLU ADA PERUNTUKAN HALANG TINDAKAN BALAS OLEH ORGANISASI TERHADAP PENGADU GANGGUAN SEKSUAL

KUALA LUMPUR: Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) perlu dipinda dengan memasukkan peruntukan yang menghalang organisasi daripada mengenakan tindakan balas terhadap pengadu.

Pensyarah Kanan Program Pengajian Gender Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM), Dr. Lai Suat Yan berkata ini bagi memastikan pengadu lebih berani dan bersedia untuk tampil melaporkan insiden yang terjadi.

“Maka penting untuk ada satu klausa yang tidak membenarkan tindakan dikenakan keatas individu yang melaporkan insiden gangguan seksual. Ini bagi memastikan mangsa berani untuk melaporkan insiden berkenaan dan tidak bimbang sebarang tindakan akan dikenakan keatas mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam program *Agenda AWANI* pada Isnin.

Jelas Suat Yan, berlaku situasi gangguan seksual melibatkan pekerja berpangkat rendah yang dimangsakan oleh pegawai dengan pangkat yang lebih tinggi.

Menurutnya, dalam senario itu pengadu akan cenderung untuk tidak melaporkan insiden gangguan seksual yang terjadi.

“Pekerja bawahan itu akan rasa bimbang, jika dia melaporkan insiden gangguan seksual itu, dia akan dipersalahkan. Bukan itu sahaja, jika mangsa membuat laporan dibimbangi tindakan akan dikenakan ke atas diri mereka, bukannya pemangsa. Contohnya, mereka akan dibiarkan tanpa tugas,” tambahnya.

Pada Ahad, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mencadangkan agar Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840), dipinda untuk ditambah baik dalam menangani isu gangguan seksual di tempat kerja.

Sebelum ini, akta berkenaan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 8 Okt tahun lepas dan diwartakan 18 Okt tahun yang sama.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, di bawah akta itu, tindakan hanya boleh diambil terhadap individu yang melakukan kesalahan sahaja.

HATI-HATI LAPOR KES JENAYAH LIBATKAN KANAK-KANAK – SUHAKAM

Pengamal media hari ini diingatkan supaya lebih berhati-hati dalam melaporkan kes jenayah melibatkan kanak-kanak.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) menimbulkan kebimbangan terhadap kemungkinan identiti golongan itu terdedah dan sensasi melampau dalam sesuatu berita.

Media juga disaran menilai kesan pelaporan itu terhadap keluarga dan kanak-kanak tersebut, kata pesuruhjaya kanak-kanak Suhakam Farah Nini Dusuki.

Merujuk kepada kes pembunuhan kanak-kanak autisme Zayn Rayyan Abdul Matiin, Farah melahirkan kekecewaan dengan maklumat penting yang bocor mengenainya di media sosial.

“Walaupun dia telah meninggal dunia, tetapi itu adalah urusan privasinya,” tambahnya.

Dalam sidang media di pejabat Suhakam di Kuala Lumpur hari ini, Farah berkata media perlu mematuhi undang-undang, peraturan tempatan dan garis panduan pelaporan serta penyiaran berita kanak-kanak.

Katanya, kegagalan mematuhi perkara itu boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan undang-undang bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Farah turut membangkitkan liputan kes penahanan seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 yang memandu kereta di Puchong, Selangor serta kes seorang remaja perempuan menyamar sebagai seorang doktor di Hospital Serdang.

Farah berkata, penyiaran identiti kanak-kanak boleh menimbulkan kesan mendalam seperti stigma negatif dan tekanan psikologi kepada kanak-kanak itu, keluarga dan masyarakat.

Katanya, walaupun nama mereka tidak disebut, terdapat pula media yang menyebut nama kampung atau daerah mereka.

Katanya, perkara itu juga membolehkan identiti mereka terdedah secara tidak langsung, khususnya melibatkan orang sekeliling.

“Mereka akan bercakap tentang kanak-kanak itu selama bertahun-tahun dan ini membawa kepada stigma,” katanya.

Sementara itu, Suhakam turut menyarankan media mendapatkan maklum balas daripada pihak berkaitan termasuk kanak-kanak sebelum menerbitkan laporan berita.

“Pihak media perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi melindungi kanak-kanak daripada pendedahan yang boleh menjejaskan maruah mereka dan proses perundangan,” katanya.

Bagaimanapun, Farah yang juga pensyarah kanan undang-undang, Universiti Malaya berkata terdapat pengecualian untuk berkongsi maklumat peribadi melibatkan kes kanak-kanak hilang.

“Jadi dalam kes kanak-kanak hilang wajah penuh kanak-kanak itu akan dipaparkan,” katanya.

DOA UNTUK AYYASH, BAYI TUJUH BULAN DERITA 6 PENYAKIT KRONIK

ALOR SETAR: "Saya hanya mampu berdoa anak sihat seperti bayi lain".

Itu harapan Mohamad Hafiz Azizan, 33, selepas anaknya, Mohamad Ayyash Mateen disahkan menghidap enam penyakit kronik sehingga hospital sudah menjadi seperti rumah kedua bayi berusia tujuh bulan itu.

Selepas beberapa hari dilahirkan, bayi berkenaan yang mesra dipanggil Ayash disahkan menghidap penyakit buah pinggang bercantum, buah pinggang bengkak, jantung berlubang, paru-paru kronik, darah beku pada otak dan sindrom 'cri du chat', iaitu penyakit berkaitan genetik.

Beliau berkata, anaknya terpaksa ditahan di wad dan perlu menggunakan alat *Continuous Positive Airway Pressure* (CPAP) untuk membantu pernafasannya.

"Kami perlu sewa alat itu RM400 sebulan, hanya dibuka selama dua jam waktu pagi dan dua jam waktu malam. Anak juga minum susu menggunakan tiub," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kuala Kuar, Alor Janggus, di sini hari ini.

Mohamad Hafiz yang bekerja di sebuah kedai pemborong di Pekan Cina, di pusat bandar ini, dengan gaji harian RM60 sehari, terpaksa mengambil cuti ketika menjaga anaknya di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), namun bersyukur majikan memahami keadaannya.

"Doktor memaklumkan anak saya perlu menjalani pembedahan segera pada bulan ini, tetapi mempunyai risiko tinggi menyebabkan saya dan isteri, Siti Nor Aidah Saidon, 25, bimbang keadaannya.

"Kami mempunyai seorang lagi anak, Mohamad Adam Faiq, 3, dan disebabkan itu saya perlu bergilir menjaga Ayyash Mateen di hospital, isteri jaga anak sulung di rumah. Rumah ini juga kami sewa dengan harga RM350 sebulan.

"Kadangkala, kami tak dapat bayar sewa rumah kerana masalah kewangan, nasib baik tuan rumah faham," katanya mengakui pernah meminjam wang daripada rakan dan jiran untuk membeli susu formula khas yang mahal harganya untuk Ayyash.

Katanya, tin kecil susu formula khas berharga RM54 dan dalam seminggu, anaknya memerlukan tiga tin dan mereka tidak mampu membeli.

"Getah saluran mesin CPAP juga sudah putus dan kami terpaksa ikat tali untuk sementara, nak beli baru memang ada dijual di hospital dan farmasi, tapi kami perlu sekurang-kurangnya RM1,000. Saya tak mampu beli kerana hanya dapat gaji harian," katanya.

Mohamad Hafiz berkata, dia juga terpaksa berulang alik ke HSB membawa anak menjalani rawatan dan mengambil ubat setiap minggu, yang memerlukan mengeluarkan belanja kira-kira RM200 seminggu termasuk kos minyak, makan minum dan rawatan.

"Kereta pula adakala meragam dan selalu rosak, tapi saya tetap gunakannya untuk Ayyash," katanya yang menerima bantuan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) sebanyak RM300 sebulan.

"Wang itu jugalah digunakan untuk sara keluarga, beli susu dan lampin pakai buang anak-anak. Selain itu, Imam Masjid Al Maarufi di Kampung Seberang Kota, Kuala Kedah, Muhammad Hazamer Mualim juga turut membantu kami sebelum ini," katanya.